



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

---

## MAJLIS PERASMIAN LALUAN FT51, DARI KAMPUNG SAWAH LIAT KE KAMPUNG GEDANG, DAERAH KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN

KUALA PILAH - Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) terus giat melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur Negara demi kesejahteraan rakyat. Laluan FT51 yang telah siap dibina dari Kampung Sawah Liat ke Kampung Gedang, Daerah Kuala Pilah yang terletak dalam jajaran Jalan Persekutuan di Negeri Sembilan merupakan salah satu daripada projek tersebut.

Projek ini mula dibina pada 16 November 2015 dan telah siap pada 17 Disember 2018. Projek yang menelan kos sebanyak RM16.8 juta (kos kontrak) ini diselia oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sembilan dan direkabentuk oleh Perunding Wan Husin & Associated Sdn. Bhd. Kontraktor utama projek ini adalah Landasan Kapital (M) Sdn. Bhd. dimana skop terlibat adalah menaiktaraf jalan sepanjang 1.5 kilometer dengan penambahbaikan selekoh berbahaya, menaiktaraf bahu jalan berturap 2.0 meter dan tidak berturap 1.0 meter, pembinaan dua buah *box culvert*, pengambilan tanah, pengalihan utiliti dan juga pengalihan sungai.

Projek ini merupakan projek yang diluluskan dalam *Rolling Plan 4 (2015)*, Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Jajaran jalan ini menjadi laluan penting menyambungkan Negeri Sembilan Barat dan Negeri Sembilan Timur yang meliputi Daerah Kuala Pilah, Daerah Jempol dan Daerah Tampin. Projek menaiktaraf ini merupakan kesinambungan kepada projek Jalan Seremban - Kuala Pilah Fasa 1 (tahun 2009), Fasa 1A (tahun 2010) dan Fasa 2 (tahun 2013).

Laluan FT51 ini secara purata dilalui sebanyak 25,000 unit kenderaan sehari pada hari bekerja (Isnin – Jumaat) dan hampir 29,000 unit kenderaan sehari pada hujung minggu. Pelaksanaan pembaikan laluan ini amat penting bagi melancarkan perjalanan pengguna yang disebabkan oleh jalan yang sempit dan berselekoh. Di samping itu, naiktaraf ini juga bertujuan untuk mengurangkan kadar kemalangan (*blackspot*) yang tinggi di kawasan tersebut dengan membaiki geometri jalan yang memenuhi piawai Jalan R5, dua lorong dua hala.

KKR akan terus melipat gandakan usaha untuk melaksanakan projek-projek berimpak tinggi kepada rakyat, dengan menyediakan kemudahan jalanraya yang selesa dan selamat selaras dengan slogan KKR, Ke Arah Kesejahteraan Rakyat.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**18 APRIL 2019**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my